# ANGGARAN PENDUDUK SEMASA, MALAYSIA, 2024

## MALAYSIA

| 2024P | 2023 |
|---|---|
| 34.1 juta | 33.4 juta |

## WARGANEGARA

| 2024P | 2023 |
|---|---|
| 30.7 juta (90.0%) | 30.4 juta (91.1%) |

## BUKAN WARGANEGARA

| 2024P | 2023 |
|---|---|
| 30.7 juta (90.0%) | 30.4 juta (91.1%) |

## KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK TAHUNAN

| 2024P | 2023 |
|---|---|
| 2.1% | 1.9% |

## PENDUDUK MENGIKUT JANTINA

| | 2024P | 2023 |
|---|---|---|
| Lelaki | 17.9 juta (52.5%) | 17.5 juta (52.3%) |
| Perempuan | 16.2 juta (47.5%) | 15.9 juta (47.7%) |

## NISBAH JANTINA

| 2024P | 2023 |
|---|---|
| 111 | 110 |

Lelaki bagi setiap 100 perempuan

## UMUR PENENGAH

| 2024P | 2023 |
|---|---|
| 30.9 tahun | 30.7 tahun |

## PERATUSAN PENDUDUK WARGANEGARA MENGIKUT KUMPULAN ETNIK

| Etnik | 2024P | 2023 |
|---|---|---|
| Bumiputera | 70.4% | 70.1% |
| India | 6.5% | 6.6% |
| Cina | 22.4% | 22.6% |
| Lain-lain | 0.7% | 0.7% |

## PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN UMUR

| Kumpulan umur | 2024P | 2023 |
|---|---|---|
| 0-14 tahun | 7.6 juta (22.2%) | 7.6 juta (22.7%) |
| 15-64 tahun | 23.9 juta (70.1%) | 23.3 juta (69.9%) |
| 60+ tahun | 3.9 juta (11.6%) | 3.8 juta (11.3%) |
| 65+ tahun | 2.6 juta (7.7%) | 2.5 juta (7.4%) |

● 2024P ● 2023

**Nota:**

i. P Permulaan
ii. Data tahun 2023-2024 adalah merujuk kepada data anggaran penduduk pertengahan tahun berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020.
iii. Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran.

**Sumber**: Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2024
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

## Peratus penduduk mengikut struktur umur utama dan kadar pertumbuhan, Malaysia, 1970-2024



# Penduduk Malaysia melebihi 34.1 juta pada 2024, sembilan negeri mencapai status penuaan

- Jumlah penduduk Malaysia pada 2024 dianggarkan 34.1 juta berbanding 33.4 juta pada 2023 dengan kadar pertumbuhan 1.9 peratus. Penduduk Warganegara meningkat daripada 30.4 juta pada 2023 kepada 30.7 juta pada 2024 dengan kadar pertumbuhan lebih perlahan 0.7 peratus daripada 0.8 peratus pada tahun sebelumnya. Penduduk Bukan warganegara menunjukkan trend yang sama dengan kadar pertumbuhan lebih perlahan sebanyak 13.6 peratus pada 2024 berbanding 17.1 peratus pada 2023

- Sabah (4.0%), W.P. Kuala Lumpur (3.0%), Selangor (2.1%) dan Johor (1.9%) telah melepasi kadar pertumbuhan nasional. Tiga negeri yang mencatatkan peratusan komposisi penduduk tertinggi pada 2024 ialah Selangor (21.6%), diikuti Johor (12.3%) dan Sabah (11.0%). Sebaliknya, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya mencatatkan peratusan komposisi penduduk terendah iaitu masing-masing 0.3 peratus dan 0.4 peratus.

- Komposisi penduduk Warganegara pada 2024 menurun daripada 91.1 peratus (2023) kepada 90.0 peratus. Sementara itu, komposisi penduduk Bukan warganegara meningkat kepada 10.0 peratus daripada 8.9 peratus bagi tempoh yang sama, komposisi tertinggi sejak lima tahun yang lalu menghampiri paras semasa pra-pandemik (2017-2018). Peningkatan ini adalah kesan daripada pembukaan semula sempadan negara mulai 1 April 2022. Di samping itu, Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) telah dilaksanakan bermula November 2020. Ini diikuti dengan RTK 2.0 yang dilanjutkan sehingga 31 Disember 2023, menyumbang kepada peningkatan bilangan Bukan warganegara di Malaysia.

- W.P. Putrajaya mencatatkan komposisi penduduk muda (0-14 tahun) tertinggi pada 2024 dengan 34.7 peratus. Manakala W.P. Kuala Lumpur mencatatkan komposisi penduduk umur bekerja (15-64 tahun) tertinggi iaitu 75.9 peratus. Pada tahun sebelum ini, sebanyak lapan buah negeri telah mencapai negeri menua iaitu komposisi penduduk umur 65 tahun dan lebih (umur tua) melebihi 7 peratus iaitu Perak, Kedah, Sarawak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor. Perak kekal sebagai negeri paling menua dengan 9.9 peratus pada 2024, manakala Kelantan telah muncul sebagai negeri menua yang terbaru dengan 7.0 peratus penduduk berada dalam kumpulan umur ini.